

BAB TIGA

PENULISAN KATA SERAPAN

3.1 Kata Serapan daripada Bahasa Arab

- (a) Kata serapan daripada bahasa Arab terdiri daripada dua kategori, iaitu istilah keislaman dan kata umum. Pada umumnya istilah keislaman, iaitu perkataan yang merujuk kepada konsep akidah, syariat, dan akhlak (termasuk perkataan yang berkaitan dengan aktiviti agama Islam), ditulis mengikut ejaan dalam bahasa asalnya dengan kekecualian yang minimum.

Sebaliknya, kata umum dieja dengan beberapa ragam; sebahagian dieja seperti bahasa asalnya, terutamanya kata yang telah mantap dan telah lama digunakan oleh masyarakat; manakala sebahagian yang lain dieja menurut kaedah ejaan kata Melayu jati.

Jika kata serapan daripada bahasa Arab tersebut digunakan untuk kedua-dua kategori, aturan ejaannya adalah seperti yang berikut:

- (i) Kata yang mengandungi makna yang hampir sama (biasanya ditulis sebagai satu entri dalam kamus), pengejaannya hendaklah mengikut aturan kategori istilah keislaman. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بطل	batal
قدرة	kudrat
نية	niat

PENULISAN KATA SERAPAN

- (ii) Kata yang membawa makna yang berbeza (biasanya ditulis sebagai dua atau lebih entri yang berbeza dalam kamus), maka ejaannya juga hendaklah dibezakan mengikut kategorinya. Contohnya:

Ejaan Rumi	Makna Keislaman	Makna Umum
rukun	رکن (dasar agama Islam)	روکون (tenteram)
suluk	سلوک (tarekat)	سولوق (sejenis nyanyian)
tasbih	تسبیح (puji-pujian kepada Allah)	تسبیہ (sejenis tumbuhan)
sunat	سنة (hukum)	سونت (khatan)

Catatan: Kata serapan daripada bahasa Parsi yang berupa istilah khusus, dieja seperti ejaan asal dalam bahasa Parsi, seperti perkataan *firman* (فرمان) dan *syah* (شاه).

- (b) Pengejaan kata serapan daripada bahasa Arab dibahagikan mengikut bunyi vokal. Sebahagian menggunakan vokal panjang dan sebahagian yang lain menggunakan vokal pendek. Mana-mana suku kata yang menggunakan vokal panjang dieja dengan huruf vokal *alif* (ا), *wau* (و) atau *ya* (ي) dan *alif maqsurah* (ى), manakala yang lain dieja tanpa huruf vokal.

Kategori istilah keislaman dan umum serta penggunaan vokal panjang dan pendek di atas boleh dibahagikan kepada kata tunggal ekasuku, dua suku kata dan tiga suku kata atau lebih.

- (i) Pengejaan Kata Tunggal Ekasuku

Kata tunggal ekasuku sama ada bagi istilah keislaman atau kata umum dieja mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

● Pengejaan vokal pendek

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
دم	dam
حد	had
حق	hak
خط	khat
نص	nas
صح	sah

Catatan: Perkataan *jin* (جين) dikecualikan daripada aturan pengejaan di atas kerana ejaannya sudah mantap.

● Pengejaan vokal panjang

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
باب	bab
حال	hal
خاص	khas
تين	tin

(ii) Pengejaan Kata Tunggal Dua Suku Kata

Kata tunggal dua suku kata dieja seperti yang berikut:

- Kata tunggal dua suku kata berpola vokal pendek + pendek dieja dengan tiga cara, seperti yang berikut:
 - Bagi istilah keislaman, ejaannya mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عصر	Asar
بطل	batal

PENULISAN KATA SERAPAN

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
حج	haji (ibadah)
قبلة	kiblat
قدرة	kudrat
مغرب	Maghrib
مسجد	masjid
مسلم	Muslim
مرتد	murtad
نية	niat
رحمة	rahmat
صبح	Subuh
امة	ummah
وحي	wahyu
وتر	witir

Catatan: Sebagai kekecualian, perkataan *zikir* dieja dengan menambahkan huruf vokal, iaitu ذِكْرٌ bagi mengelakkan kekeliruan.

- Bagi sesetengah kata umum, ejaannya tidak menggunakan huruf vokal seperti dalam bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
فجر	fajar
فصل	fasal
جمع	jamak
مشرق	masyrik
نفقه	nafkah
نعمت	nikmat

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

- Bagi sesetengah kata umum yang lain, ejaannya ditambahkan huruf vokal pada ejaan asal dalam bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Asal Arab	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عبد	عبدی	abdi
أهل	اهلی	ahli
فکر	فیکیر	fikir
علم	علمو	ilmu
إذن	ایذین	izin
جلد	جیلید	jilid
جرم	جیریم	jirim
قلب	قلبو	kalbu
مجلس	مجلس	majlis
مفلس	مفلیس	mufflis
سبت	سبتو	Sabtu
سحر	سیحیر	sihir
أفق	اوفوق	ufuk
أمة	اومت	umat
عمر	عمور	umur
عذر	عذور	uzur
وقت	وقتو	waktu

- Kata tunggal dua suku kata berpola vokal pendek + panjang dieja dengan dua cara, seperti yang berikut:
 - Bagi istilah keislaman, ejaannya mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
فتوی	fatwa
امام	imam

PENULISAN KATA SERAPAN

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عفريت	ifrit
إسلام	Islam
عشاء	Isyak
جهاد	jihad
مبرور	mabrur
مخلوق	makhluk
مفتي	mufti
نكاح	nikah
قرءان	Quran
رسول	rasul
ربا	riba
سجود	sujud
زبور	Zabur

- Bagi sesetengah kata umum, ejaannya mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بروج	buruj
دليل	dalil
حروف	huruf
قبور	kubur
قرون	kurun
مدير	mudir
مقبول	makbul
سلطان	sultan
عموم	umum

- Kata tunggal dua suku kata berpola vokal panjang + pendek dieja dengan tiga cara, seperti yang berikut:

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

- Bagi istilah keislaman, ejaannya mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
فاسق	fasiq
حاج	haji (orang)
حافظ	hafiz
جامع	jamik
كافر	kafir

- Bagi sesetengah kata umum, ejaannya mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عالم	alam
ثابت	sabit
والد	walid

- Bagi sesetengah kata umum yang lain, ejaannya ditambahkan huruf vokal pada ejaan dalam bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Asal Arab	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عادل	عاديل	adil
غائب	غاءيب	ghaib
حاكم	حاكيم	hakim
وارث	واريث	waris
ظالم	ظالميم	zalim

- Kata dasar dua suku kata berpola vokal panjang + panjang dieja dengan dua cara, seperti yang berikut:

PENULISAN KATA SERAPAN

- Bagi istilah keislaman, ejaannya mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ايجاب	ijab
ايمان	iman
قاضي	kadi
راوي	rawi

- Bagi sesetengah kata umum, ejaannya mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
باقي	baki
قاموس	kamus
قانون	kanun
ياقوت	yakut

(iii) Pengejaan Kata Tunggal Tiga Suku Kata

Pengejaan kata tunggal tiga suku kata adalah mengikut pola kombinasi vokal. Antaranya adalah seperti yang berikut:

- Kata tunggal tiga suku kata berpola vokal pendek + pendek + pendek dieja dengan tiga cara, seperti yang berikut:
 - Bagi istilah keislaman, ejaannya mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
محرم	Muharam
مكلف	mukalaf
مميز	mumaiyiz

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Ejaan Jawi Padanan Rumi

مقدم	muqaddam
ركعة	rakaat
تهجد	tahajud
تحلل	tahalul
تصوف	tasawuf
توكل	tawakal
تورك	tawaruk

- Bagi sesetengah kata umum, ejaannya tidak menggunakan huruf vokal seperti dalam bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi Padanan Rumi

هدية	hadiah
محكمة	mahkamah
مجلة	majalah
مسئله	masalah
تعزیه	takziah

- Bagi sesetengah kata umum yang lain, ejaannya ditambahkan huruf vokal pada ejaan asal dalam bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Asal Arab	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
كلمة	كليمت	kalimat
شركة	شريكت	syarikat
تهنئة	تهنيئه	tahniah

- Kata tunggal tiga suku kata berpola vokal pendek + panjang + pendek dieja dengan tiga cara, seperti yang berikut:

PENULISAN KATA SERAPAN

- Bagi istilah keislaman, ejaannya mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
هداية	hidayah/hidayat
خليفة	khalifah
محمودة	mahmudah
مذمومة	mazmumah
مهاجر	muhajir
مجاهد	mujahid
منافق	munafiq
شهادة	syahadah
شريعة	syariat
تدارس	tadarus
تواضع	tawaduk

- Bagi sesetengah kata umum, vokalnya dieja seperti dalam bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
جنايه	jenayah
قرباب	kerabat
خزانة	khazanah
رساله	risalah
طبيعت	tabiat

- Bagi sesetengah kata umum yang lain, ejaannya ditambahkan vokal pada ejaan asal dalam bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Asal Arab	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
عناصر	عناصر	anasir

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

- Kata tunggal tiga suku kata berpola vokal pendek + pendek + panjang dieja dengan dua cara, seperti yang berikut:
 - Bagi istilah keislaman, dieja mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
افتتاح	iftitah
احتفال	ihtifal
اجتماع	ijtimak
اعتدال	iktidal
اعتقاد	iktikad
اعتكاف	iktikaf
استغفار	istighfar
استنجا	istinjak
رمضان	Ramadan
صلوات	selawat

- Bagi sesetengah kata umum, vokalnya dieja seperti dalam bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اختيار	ikhtiar
اعتراف	iktiraf
اكتساب	iktisab
امتحان	imtihan
اشتهار	isytihar

- Kata tunggal tiga suku kata berpola vokal pendek + panjang + panjang dieja dengan dua cara, seperti yang berikut:

PENULISAN KATA SERAPAN

- Bagi istilah keislaman, ejaannya mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ملاقاء	mulakat
مناجات	munajat
تقارير	takarir
تراويح	terawih

- Bagi sesetengah kata umum, vokalnya dieja seperti dalam bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
نباتي	nabati
نصراني	Nasrani
تواريخ	tawarikh

- Kata tunggal tiga suku kata berpola vokal panjang + pendek + pendek dieja dengan tiga cara, seperti yang berikut:

- Bagi istilah keislaman, dieja mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
جارية	jariah
قارئة	qariah

- Bagi sesetengah kata umum vokalnya dieja seperti dalam bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
قاعده	kaedah
قافله	kafilah
طائفه	taifah

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

- Bagi sesetengah kata umum yang lain, ejaannya ditambahkan vokal pada ejaan asal dalam bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Asal Arab	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
دائرة	داءيره	daerah
فائدة	فاءيده	faedah

- Kata tunggal tiga suku kata berpola lebih daripada tiga suku kata dieja dengan tiga cara, seperti yang berikut:

- Bagi istilah keislaman, ejaannya mengikut ejaan bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
مهاجرين	muhajirin
مغلظة	mughallazah
مجاهدين	mujahidin
مخففة	mukhaffafah
مسابقة	musabaqah

- Bagi sesetengah kata umum vokalnya dieja seperti dalam bahasa Arab. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
جسمانيه	jasmaniah
مشاركت	masyarakat
موافقت	muafakat

- Bagi sesetengah kata umum yang lain, ejaannya ditambahkan huruf vokal pada ejaan asal dalam bahasa Arab. Contohnya:

PENULISAN KATA SERAPAN

Ejaan Asal Arab Ejaan Jawi Padanan Rumi

باطن	باطينيه	batiniah
مشورة	مشوارت	mesyuarat

- (c) Kata serapan daripada bahasa Arab juga boleh dikelompokkan berdasarkan perubahan pada bunyi konsonan. Kata umum daripada bahasa Arab yang sudah terserap ke dalam bahasa Melayu dieja mengikut cara mengeja kata Melayu jati. Contohnya:

Ejaan Asal Arab Ejaan Jawi Padanan Rumi

الكحول	الكوهول	alkohol
عرض	عرل	aral
حسود	هاسوت	hasut
زواذة	جواده	juadah
قرطاس	كرتس	kertas
ظاهر	لاهير	lahir
مركز	مركس	markas
ملك	ميليقي	milik
ممکن	موغكين	mungkin
منكر	موغكير	mungkir
فضولي	قدولي	peduli
فرض	قرلو	perlu
رضا	ريلا	rela
صابون	سابون	sabun
شبهة	سوباهت	subahat

- (d) Kata serapan daripada bahasa Arab yang berupa istilah keislaman dan yang berakhir dengan suku kata terbuka yang menggunakan bunyi vokal [a], [i] atau [u], hendaklah dieja tanpa huruf vokal.

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Namun demikian, apabila kata tersebut menerima imbuhan akhiran, partikel, ganti nama singkat atau kata tersebut digandakan, huruf *alif* (ا), *wau* (و) atau *ya* (ي) hendaklah diletakkan di akhir bentuk dasarnya untuk menghindarkan kesamaran dalam pembacaan. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
فتوى	fatwa
ممفتواكن	memfatwakan
فرض	fardu
ممفرضوكن	memfardukan
حاج	haji (orang)
مغحاجيكن	menghajikan

- (e) Huruf *alif maqsurah* (ى) yang melambangkan bunyi vokal [a] dalam kata serapan daripada bahasa Arab yang berupa istilah keislaman atau kata nama khas dikekalkan demikian dalam ejaan Jawi. Contohnya:

Ejaan Asal Arab	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
فتوى	فتوى	fatwa
عيسى	عيسى	Isa
موسى	موسى	Musa
تعالى	تعالى	Taala
تقوى	تقوى	takwa

Walau bagaimanapun, bagi kata serapan daripada bahasa Arab yang berupa kata umum, huruf tersebut hendaklah digantikan dengan huruf *alif* (ا). Contohnya, *makna* (معنا) dan *dakwa* (دعوا).

3.2 Kata Serapan daripada Bahasa Inggeris

- (a) Kata serapan daripada bahasa Inggeris dieja menurut aturan pengejaan kata Melayu jati dan sebutan baku bahasa Melayu seperti yang dijelaskan sebelum ini.
- (b) Huruf gugus konsonan ditulis dalam ejaan Jawi dengan cara merangkaikan atau mendekatkan huruf yang berkenaan tanpa sisipan huruf vokal. Kaedahnya adalah seperti yang berikut:
- (i) Penulisan gugus konsonan di awal kata atau di tengah kata:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ابسترک	abstrak
ایکسڤورت	eksport
کلینیک	klinik
ڤرسڤیکتيف	perspektif
ڤسیکولوڤي	psikologi
سکریڤ	skrip
ستروکتور	struktur

- (ii) Dua huruf Jawi yang membentuk gugus konsonan di akhir kata tidak dirangkaikan atau tidak ditulis bersambung bagi mengelakkan daripada terbentuknya suku kata akhir tertutup bagi kata Melayu jati. Contohnya:

Padanan Rumi	Ejaan Jawi
X-ray	ایکس-ري (bukan ري-یکس)
teks	تیکس (bukan یکس-تیکس)
kobalt	کوبلت (bukan لت-کوبل)
sains	ساینس (bukan سنس-ساینس)

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU DEWAN

Catatan: Walau bagaimanapun, gugus konsonan yang tidak boleh membentuk suku kata akhir tertutup bagi kata Melayu jati dieja berangkai, jika hurufnya boleh bersambung di akhir kata. Contohnya, *bank* (بنگ), *zink* (زنگ), *trend* (ترند) dan *golf* (گولف).

- (c) Huruf konsonan *k* di suku kata akhir ejaan Rumi kata serapan daripada bahasa Inggeris atau bahasa asing yang lain dieja dengan huruf *kaf* (ك) dalam ejaan Jawi. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اکسي	aksi
بلوک	blok
ایکس گراتیا	<i>ex gratia</i>
کلاسیک	klasik
قولیتیک	politik
سیکشن	seksyen
سوبجیک	subjek
تیکسی	teksi
ترک	trak

- (d) Kata atau ungkapan asing yang kerap digunakan tetapi belum terserap ke dalam bahasa Melayu, hendaklah dieja mengikut bunyi sebutan yang lazim digunakan dalam urusan rasmi penutur bahasa Melayu dan/atau padanan huruf Ruminya dalam Jawi. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
افیداویت	afidavit
دی فیکتو	<i>de facto</i>
ایکس پرتی	<i>ex parte</i>

PENULISAN KATA SERAPAN

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ايكس اوفيشيو	<i>ex officio</i>
مالا فيدي	<i>mala fide</i>
مودوس اوڤرندي	<i>modus operandi</i>
ڤسيم	<i>passim</i>
ڤرسي	<i>per se</i>
ڤرسونا نون ڤراتا	<i>persona non grata</i>
ستاتوس ڤو	<i>status quo</i>
ويس-ا-ويس	<i>vis-a-vis</i>

Catatan: Ungkapan asing yang belum terserap ini boleh juga ditulis bersama-sama tulisan Rumi dalam kurungan selepasnya untuk penggunaan kali pertama dalam sesuatu wacana bagi mengelakkan kekeliruan. Contohnya: (de facto) دي فيكتو.